OCBC BALANCE TRANSFER

Terms & Conditions

1. Balance Transfer ("**BT**") is offered by OCBC Bank (Malaysia) Berhad ("**OCBC Bank**") to eligible customers who hold one or more currently valid credit cards issued by OCBC Bank as the principal cardmember ("**OCBC Cards**"), and whose credit card accounts are well conducted within OCBC Bank's sole and absolute discretion at the time of the application for BT (customers who fulfil OCBC Bank's eligibility criteria are called "**Cardmembers**"), subject to the terms and conditions herein.

2. BT allows a Cardmember to transfer the whole or part of his/her Outstanding Balance (as defined below) to the Cardmember's OCBC Card account(s) and repay the Approved Amount (as defined below) by way of fixed monthly instalments. The Cardmember's line of credit must be sufficient to cover both the Approved Amount (defined below) and BT Interest (defined below) for the entire BT Tenure (defined below). The minimum amount to be applied for BT is RM1,000 and the maximum amount is 80% of the Cardmember's available credit limit.

3. **"Outstanding Balance"** means the outstanding balance (including fees, accrued interest, finance charges and other charges) due and owing by the Cardmember to any bank(s) or financial institution(s) within Malaysia other than OCBC Bank ("**Receiving Bank(s)**") pursuant to the Cardmember's currently valid principal credit card account(s) held with such Receiving Bank(s).

4. A Cardmember may apply for BT up to the amount of the Outstanding Balance, subject always to OCBC Bank's sole discretion to:
   a) approve the Cardmember's application at the amount applied for by the Cardmember or at a lower amount (the amount approved by OCBC Bank pursuant to this BT programme for transfer into the Cardmember's OCBC Card account(s) shall be called "**Approved Amount**") provided that the Approved Amount shall be subject to the minimum amount of RM1,000 and the maximum amount equivalent to 80% of the Cardmember's available credit limit; or
   b) reject the Cardmember's application.

   If OCBC Bank approves a Cardmember's application, upon approval the corresponding amount of the Cardmember's line of credit will be reserved for the BT and the Cardmember's credit limit reduced to the extent of the Approved Amount. OCBC Bank shall not be liable for any transactions rejected by merchants due to insufficient credit limit arising therefrom.

5. After approval of a Cardmember's application, the Approved Amount shall be deposited into the Cardmember's credit card account(s) maintained with the Receiving Bank(s) as specified by the Cardmember, within fourteen (14) days from the date of OCBC Bank's approval of the Cardmember's application. The Approved Amount can only be transferred to and deposited into credit card account(s) under the Cardmember's name. Transfer cannot be made to a third party account. All charges commission fees or other payment of a similar nature (if any) imposed by the Receiving Bank(s) in respect of the transfer or deposit of the Approved Amount into the Cardmember's bank account(s) with the Receiving Bank(s) shall be borne by the Cardmember. OCBC Bank shall not be made to bear any losses or damages suffered as a consequence of any error, delay, neglect or omission by the Receiving Bank(s) in crediting of the Approved Amount into the Cardmember's bank account(s).

6. A Cardmember shall pay interest on the Approved Amount ("**BT Interest**"). BT Interest is calculated on the Approved Amount based on the BT Tenure selected by the Cardmember (please see Table 1 below) and billed to the Cardmember's OCBC Card account(s) on the first month upon approval and payable on the due date(s) shown in the Cardmember's respective OCBC Card account statement(s).

TABLE 1

BT Interest	BT Tenure	Annualised Effective Interest	Eligibility
2.88% of Approved Amount	6 months	9.81% p.a.	Existing Cardmembers
4.88% of Approved Amount	12 months	8.89% p.a.	Existing Cardmembers

The BT Interest rates shall be subject to change from time to time at OCBC Bank's sole discretion and notified to the Cardmember upfront when he/she applies for BT.

7. The amount of the monthly instalments payable is calculated by dividing the Approved Amount by the BT Tenure (in months) and will be reflected in the Cardmember's OCBC Card account statements and shall be paid in full by the Cardmember punctually until fully settled. Table 2 below provides some illustrations of how instalment amounts are calculated:

TABLE 2

Approved Amount (RM)	**Amounts of instalments payable by Cardmember for 12-month BT Tenure:**			
	1st instalment payable (RM) **[(A)+(B)]**:			2nd - 12th monthly instalments payable (RM)
	(A) BT Interest @ 4.88%	**(B)** 1st monthly instalment	Total **(A) + (B)**	
5,000	244.00	416.74	660.74	416.66 a month
10,000	488.00	833.37	1,321.37	833.33 a month
15,000	732.00	1,250.00	1,982.00	1,250.00 a month
20,000	976.00	1,666.74	2,642.74	1,666.66 a month

8. No additional interest will be charged in respect of the Approved Amount PROVIDED THAT:
   a) there is no Outstanding Balance in the Cardmember's OCBC Card account as shown in the last monthly statement issued prior to the BT approval date; and
   b) the Cardmember pays the "***Statement Balance Due***"* in full before the "***Payment Due Date***"* stated in the Cardmember's OCBC Card account monthly statements for the entire duration of the BT Tenure.

   If a Cardmember fails to do (a) or (b) above, the entire Outstanding Balance in the OCBC Card account (including the BT monthly instalment amount billed) will be subject to the finance charge of one point five per centum (1.5%) per month or eighteen per centum (18%) per annum or the prevailing regulated interest rate until the date of full repayment.

   *The terms "***Statement Balance Due***" and "***Payment Due Date***" are used and reflected accordingly in the Cardmember's OCBC Card account monthly statements.

9. At the time of applying for BT, the Cardmember shall select 1 of the 2 tenures available as provided in Table 1 above:
   a) 6 months; or
   b) 12 months,

   (each tenure and the tenure selected by the Cardmember shall be called "**BT Tenure**") for repayment of the Approved Amount. The BT Interest is billed to the Cardmember's OCBC Card account(s) on the first month upon approval and payable on the due date(s) shown in the Cardmember's respective OCBC Card account statement(s) as provided above, regardless of the BT Tenure selected.

10. Once the Cardmember's application for BT is approved by OCBC Bank, the Cardmember is not at liberty to change the BT Tenure and/or the monthly instalment amount.

11. The Cardmember shall punctually pay each monthly instalment by the payment due date stated in the Cardmember's credit card account statement, and the monthly instalments will commence as stated in the credit card account statement for the statement date immediately next following OCBC Bank's approval of the application.

12. If the Cardmember wants to early settle the BT Outstanding Balance, the Cardmember shall give prior notice to OCBC Bank. The Cardmember shall continue to pay the monthly instalment amount stated in the OCBC Card account statement, until the Cardmember is billed the Outstanding Balance.

13. The BT interest is only calculated until the early settlement month, based on Rule of 78 method. For example, if Cardmember applies for 12 months tenure but wants to early settle the outstanding Approved Amount after 10 months, the Cardmember will pay balance of Approved Amount unbilled and any outstanding Approved Amount billed, less the portion of BT Interest paid under clause 6 in excess of the actual BT Interest payable in view of the early settlement.

14. Upon occurrence of any of the following events:
    a) the Cardmember's credit card account(s) with OCBC Bank is/are cancelled, terminated or closed for whatever reason; or
    b) the Cardmember defaults in paying the "***Minimum Payment***"* stated in the OCBC Card monthly statement for any three (3) or more consecutive months; or
    c) the Cardmember has commited or is suspected of committing any fraudulent or wrongful acts,

    the entire outstanding monthly instalments under this BT programme (i.e. all monthly instalments which are unpaid, including monthly instalments for the remainder of the BT Tenure, referred to as "**Indebtedness**") shall immediately become due and payable by the Cardmember, whereupon the OCBC Cardmember's Agreement shall apply to the Indebtedness, including the imposition of the finance and late payment charges. This shall be in addition and without prejudice to OCBC Bank's rights under the OCBC Cardmember's Agreement in relation to all monies charged and all liabilities incurred by the Cardmember through the use of his/her OCBC credit card(s) upon occurrence of any of the above events.

    *"***Minimum Payment***" is defined as
    a) the aggregate of the following
        (i) 5% of your OCBC Card outstanding balance excluding the contracted monthly instalments referred in (ii) below; and
        (ii) 100% of all your contracted monthly instalment amounts, including BT Monthly Instalment; or
    b) RM50,

    whichever is higher.

15. Pending the approval of the Cardmember's application for BT and if such application is approved, pending transfer of the Approved Amount to the Receiving Bank(s), the Cardmembers shall continue to be liable to make payment(s) on their credit or charge card account(s) held with the Receiving Bank(s) in accordance with the terms and conditions governing the same. OCBC Bank shall not be liable to the Cardmembers for any interest or other charges incurred by the Cardmembers with the Receiving Bank(s) while pending approval of the BT application (which may be rejected or approved at a lower amount) or pending transfer of the Approved Amount or pending the Receiving Bank(s) crediting the Approved Amount into the Cardmember's bank account(s).

16. The BT Interest and Approved Amount shall not be eligible for OCBC Rebate Programme, including but not limited to the rebate for interest paid.

17. In addition to and without prejudice to the generality of the foregoing, in the event it becomes more expensive for OCBC Bank to maintain the BT programme by reason of:
    a) any change in law or regulations which give rise to new or additional taxes, higher reserve requirement or similar acts; or
    b) a significant change in the monetary situation or economic environment,

    the Cardmember agrees to bear such additional cost for maintaining the BT programme as OCBC Bank determines to be necessary to compensate it, arising directly or indirectly from any of the foregoing circumstances. OCBC Bank's decision on any of the matters referred to in this Clause shall be conclusive and binding on the Cardmember.

18. Each BT application by a Cardmember is subject to the BT Terms and Conditions updated as at the BT application date and the latest BT Terms and Conditions will be informed and given to the Cardmember when he applies for BT. OCBC Bank may change or vary any of the BT Terms and Conditions from time to time and a Cardmember may expect each BT application to be subject to changed or varied terms. OCBC Bank may withdraw or terminate the BT programme in entirety or certain features in the BT programme, in which case such BT programme or features in the BT programme which are withdrawn or terminated will no longer be available to any Cardmember. Such changes, variations, withdrawal or termination should not affect a BT which has been previously approved for specific Outstanding Balance with a Receiving Bank, save and except where OCBC Bank may no longer continue with an approved BT due to changes in laws, regulations or policies.

19. OCBC Bank will not be responsible for and disclaims all liability to any actions, claims, losses, damages, costs, charges and expenses which the Cardmember may suffer, sustain or incur by reason of his/her participation in the BT programme, unless the loss is attributable to the Bank's negligence.

20. All decisions in relation to the BT application (including whether or not to approve or reject the BT application, the Approved Amount, etc.) are subject to the final decision of OCBC Bank, whose decision shall be final, conclusive and binding on the Cardmember.

21. The Cardmember agrees and declares that all information provided in the Cardmember's application for BT is true and complete and the Cardmember will immediately notify OCBC Bank of any changes to such information.

22. The OCBC Cardmember's Agreement shall continue to apply to the Cardmember's use of the OCBC credit cards. In the event of inconsistency between these Terms and Conditions and the OCBC Cardmember's Agreement, these Terms and Conditions shall prevail in so far as they apply to the BT.

23. These Terms and Conditions shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia.

OCBC PEMINDAHAN BAKI

Terma & Syarat

1. Pemindahan Baki ("**PB**") ditawarkan oleh OCBC Bank (Malaysia) Berhad ("**OCBC Bank**") kepada para pelanggan yang layak dengan memegang satu atau lebih kad kredit yang sah yang dikeluarkan oleh OCBC Bank ("**Kad OCBC**") sebagai pemegang kad prinsipal, dan akaun kad kredit tersebut dikendalikan dengan baik menurut budi bicara mutlak OCBC Bank pada masa permohonan untuk PB dibuat (pelanggan yang memenuhi kriteria kelayakan OCBC Bank dipanggil "**Pemegang Kad**"), tertakluk pada terma dan syarat yang terkandung di sini.

2. PB membenarkan Pemegang Kad memindah kesemua atau sebahagian Baki Tertunggak (seperti yang ditakrifkan di bawah) ke akaun Kad OCBC Pemegang Kad tersebut dan membayar Jumlah Yang Diluluskan (seperti yang ditakrifkan di bawah) melalui ansuran bulanan tetap. Had kredit Pemegang Kad mestilah cukup untuk membayar kedua-dua Jumlah PB (ditakrifkan di bawah) dan Faedah PB (ditakrifkan di bawah) sepanjang Tempoh PB (ditakrifkan di bawah). Jumlah minima PB adalah RM1,000 dan jumlah maksima adalah 80% daripada had kredit Pemegang Kad yang tersedia.

3. "**Baki Tertunggak**" bermaksud baki yang belum dijelaskan (termasuk yuran, faedah terakru, caj kewangan dan caj-caj lain) yang perlu dibayar dan dihutang oleh Pemegang Kad kepada mana-mana bank atau institusi kewangan di Malaysia selain OCBC Bank ("**Bank(-bank) Penerima**") menurut akaun kad kredit prinsipal Pemegang Kad semasa yang sah yang diselenggarakan dengan Bank(-bank) Penerima yang berkenaan.

4. Pemegang Kad boleh memohon PB sehingga jumlah Baki Tertunggak, tertakluk pada budi bicara mutlak OCBC Bank untuk:
   a) meluluskan permohonan Pemegang Kad pada jumlah yang dimohon oleh Pemegang Kad atau pada jumlah yang lebih rendah (jumlah yang diluluskan oleh OCBC Bank menurut program PB ini untuk dipindahkan ke akaun(-akaun) kad kredit Pemegang Kad OCBC yang akan dipanggil "**Jumlah Yang Diluluskan**") dengan syarat Jumlah Yang Diluluskan adalah tertakluk pada jumlah minima sebanyak RM1,000 dan jumlah maksima bersamaan 80% had kredit Pemegang Kad'; atau
   b) menolak permohonan Pemegang Kad tersebut.

   Jika OCBC Bank meluluskan permohonan Pemegang Kad, sebaik sahaja diluluskan, jumlah had kredit Pemegang Kad yang berkenaan akan diumpukkan untuk PB dan had kredit Pemegang Kad dikurangkan ke takat Jumlah Yang Diluluskan. OCBC Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana transaksi yang dinafikan oleh pedagang yang disebabkan oleh had kredit yang tidak mencukupi.

5. Selepas permohonan Pemegang Kad diluluskan, Jumlah Yang Diluluskan akan didepositkan ke dalam akaun(-akaun) kad kredit Pemegang Kad yang diselenggarakan dengan Bank(-bank) Penerima sebagaimana yang dinyatakan oleh Pemegang Kad, dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh OCBC Bank meluluskan permohonan Pemegang Kad. Jumlah Yang Diluluskan hanya boleh dipindahkan kepada dan didepositkan ke dalam akaun(-akaun) kad kredit di bawah nama Pemegang Kad. Pindahan tidak boleh dibuat kepada akaun pihak ketiga. Semua caj bayaran komisen atau bayaran lain yang serupa sifatnya (jika ada) yang dikenakan oleh Bank(-bank) Penerima berhubung dengan pindahan atau deposit Jumlah Yang Diluluskan ke dalam akaun (-akaun) bank Pemegang Kad dengan Bank (-bank) Penerima hendaklah ditanggung oleh Pemegang Kad. OCBC Bank tidak akan dipertanggungjawabkan untuk menanggung sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung akibat sebarang ralat, kelewatan, kecuaian atau kesilapan oleh Bank(-bank) Penerima semasa mengkreditkan Jumlah Yang Diluluskan ke dalam akaun(-akaun) bank Pemegang Kad.

6. Pemegang Kad hendaklah membayar faedah atas Jumlah Yang Diluluskan ("**Faedah PB**"). Faedah PB dikira atas Jumlah Yang Diluluskan berdasarkan Tempoh PB yang dipilih oleh Pemegang Kad (sila lihat Jadual 1 di bawah) dan dibilkan ke akaun(-akaun) kad kredit Pemegang Kad OCBC pada bulan pertama sebaik sahaja diluluskan dan hendaklah dibayar pada tarikh(-tarikh) pembayaran yang ditunjukkan dalam penyata(-penyata) akaun kad kredit yang berkenaan.

JADUAL 1

Kadar Faedah PB	Tempoh PB	Faedah Berkesan Tahunan	Kelayakan
2.88% daripada Jumlah Yang Diluluskan	6 bulan	9.81% setahun	Pemegang Kad Sedia Ada
4.88% daripada Jumlah Yang Diluluskan	12 bulan	8.89% setahun	Pemegang Kad Sedia Ada

Kadar Faedah PB adalah tertakluk pada perubahan yang berlaku dari masa ke semasa dan menurut budi bicara mutlak OCBC Bank dan Pemegang Kad akan dimaklumkan dahulu sebelum memohon PB.

7. Ansuran Bulanan yang perlu dibayar adalah dikira dengan membahagikan Jumlah Yang Diluluskan dengan Tempoh PB (dalam bulanan) dan akan tertera pada penyata akaun kad OCBC Pemegang Kad. Jadual 2 di bawah memberi beberapa contoh pengiraan jumlah bayaran ansuran:

JADUAL 2

Jumlah yang Diluluskan (RM)	**Ansuran bulanan yang perlu dibayar oleh Pemegang Kad untuk tempoh PB selama 12 bulan :**			
	Bayaran ansuran Pertama yang perlu dibayar (RM) **[(A)+(B)]**:			Bayaran ansuran bulanan Kedua – Ke-12 (RM)
	(A) Kadar Faedah PB @ 4.88%	**(B)** Bayaran Ansuran Bulanan Pertama	Jumlah **(A) + (B)**	
5,000	244.00	416.74	660.74	416.66 sebulan
10,000	488.00	833.37	1,321.37	833.33 sebulan
15,000	732.00	1,250.00	1,982.00	1,250.00 sebulan
20,000	976.00	1,666.74	2,642.74	1,666.66 sebulan

8. Tiada faedah tambahan akan dikenakan berhubung dengan Jumlah Yang Diluluskan, JIKA:
   a) Tiada Baki Tertunggak dalam akaun Kad OCBC Pemegang Kad yang ditunjukkan dalam penyata bulanan terakhir yang dikeluarkan sebelum tarikh permohonan PB; dan
   b) Pemegang Kad membayar "***Baki Penyata yang Matang***"* sepenuhnya sebelum "***Tarikh Akhir Pembayaran***"* yang dinyatakan dalam akaun Kad OCBC Pemegang Kad sepanjang tempoh PB.

   Sekiranya seseorang Pemegang Kad gagal melakukan (a) dan (b) di atas, keseluruhan Baki Tertunggak dalam akaun Kad OCBC itu (termasuk ansuran bulanan PB yang dibilkan) akan dikenakan caj kewangan sebanyak satu perpuluhan lima peratus (1.5%) sebulan atau lapan belas peratus (18%) setahun atau kadar faedah yang dikawal selia sehingga tarikh pembayaran balik penuh.

   *Terma "***Baki Penyata yang Matang***" dan "***Tarikh Akhir Pembayaran***" digunakan dan dinyatakan sewajarnya dalam penyata bulanan akaun Kad OCBC Pemegang Kad.

9. Pada masa pemohonan PB, Pemegang Kad hendaklah memilih 1 daripada 2 tempoh yang sedia ada seperti yang diberikan di dalam Jadual 1 di atas:
   a) 6 bulan; atau
   b) 12 bulan,

   (setiap tempoh dan tempoh yang dipilih oleh Pemegang Kad akan dipanggil "**Tempoh PB**") untuk pembayaran balik Jumlah Yang Diluluskan. Faedah PB akan dibilkan ke dalam akaun(-akaun) Kad OCBC Pemegang Kad pada bulan pertama apabila diluluskan dan perlu dibayar sebelum tarikh(-tarikh) kena dibayar seperti yang tertera dalam penyata(-penyata) akaun Kad OCBC Pemegang Kad seperti yang dinyatakan di atas, tanpa mengambil kira Tempoh PB yang dipilih.

10. Sebaik sahaja permohonan Pemegang Kad untuk PB diluluskan oleh OCBC Bank, Pemegang Kad tidak lagi berhak untuk menukar Tempoh PB dan/atau ansuran bulanan tersebut.

11. Pemegang Kad hendak membayar setiap ansuran bulanan dengan tepat sebelum "***Tarikh Akhir Pembayaran***" yang dinyatakan dalam penyata akaun Kad OCBC Pemegang Kad dan ansuran bulanan akan bermula seperti yang tertera dalam penyata akaun Kad OCBC bagi tarikh penyata berikut sebaik sahaja permohonan diluluskan oleh OCBC Bank.

12. Jika Pemegang Kad berhasrat hendak dengan lebih awal menjelaskan Baki Tertunggak, Pemegang Kad hendaklah memberi notis terlebih dahulu kepada OCBC Bank. Pemegang Kad hendaklah meneruskan pembayaran ansuran bulanan yang tertera di dalam penyata akaun Kad OCBC, sehingga Pemegang Kad dibilkan jumlah penjelasan awal tersebut.

13. Faedah PB dikira berdasarkan kaedah "Rule of 78", sehingga bulan penyelesaian awal. Contohnya, jika Pemegang Kad memohon untuk tempoh 12 bulan tetapi ingin membuat penyelesaian awal baki tertunggak dari Jumlah Yang Diluluskan selepas 10 bulan, Pemegang Kad perlu membayar baki tertunggak dari Jumlah Yang Diluluskan yang belum dibilkan dan mana-mana baki tertunggak dari Jumlah Yang Diluluskan yang sudah dibilkan, kurangkan bahagian Faedah PB yang telah dibayar di bawah Klausa 6 yang melebihi Faedah PB sebenar yang perlu dibayar disebabkan oleh penyelesaian awal.

14. Sekiranya mana-mana peristiwa berikut terjadi:
    a) akaun kad kedit Pemegang Kad dengan OCBC Bank dibatalkan, ditamatkan atau ditutup atas apa jua sebab; atau
    c) Pemegang Kad gagal membayar "***Bayaran Minima***"* yang dinyatakan dalam penyata bulanan Kad OCBC untuk mana-mana tiga (3) bulan berturut-turut; atau
    d) Pemegang Kad telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa kesalahan atau tindakan penipuan,

    keseluruhan ansuran bulanan yang tertunggak di bawah program PB ini (iaitu semua ansuran bulanan yang belum dibayar, termasuk ansuran bulanan untuk baki Tempoh PB, dirujuk sebagai "**Keberhutangan**") akan terus menjadi matang dan perlu dibayar dengan segera, yang mana Keberhutangan adalah tertakluk pada Perjanjian Pemegang Kad OCBC, termasuk pengenaan caj kewangan dan caj bayaran lewat. Ini adalah tambahan dan tanpa menjejaskan hak OCBC Bank di bawah Perjanjian Pemegang Kad OCBC kepada semua bayaran yang dikenakan dan semua liabiliti yang ditanggung oleh Pemegang Kad melalui penggunaan kad kredit OCBC beliau semasa berlaku berlakunya mana-mana peristiwa di atas.

    *"***Bayaran Minima***" ditakrifkan sebagai
    a) jumlah agregat untuk yang berikut
        (i) 5% daripada baki tertunggak tidak termasuk ansuran bulanan yang dikontrakkan seperti yang dirujuk kepada (ii) di bawah; dan
        (ii) 100% daripada ansuran bulanan yang dikontrakkan termasuk ansuran bulanan PB; atau
    b) RM50,
    yang mana lebih tinggi.

15. Sementara Pemegang Kad menunggu kelulusan PB dan jika permohonan tersebut diluluskan, sementara menunggu pindahan Jumlah Yang Diluluskan kepada Bank(-Bank) Penerima, Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab meneruskan pembayaran kepada akaun(-akaun) kad kredit atau kad caj mereka yang diselenggarakan oleh Bank Penerima menurut terma dan syarat yang mentadbir hal yang sama. OCBC Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Bank atas sebarang faedah atau caj lain yang dikenakan pada Pemegang Kad oleh Bank(-Bank) Penerima sementara menunggu kelulusan untuk permohonan PB (yang mungkin ditolak) atau menunggu pindahan Jumlah yang Diluluskan atau menunggu Bank(-Bank) Penerima sehingga mengkreditkan Jumlah yang Diluluskan ke akaun bank Pemegang Kad.

16. Faedah PB dan Jumlah Yang Diluluskan tidak layak untuk Program Rebat OCBC, termasuk dan tidak terhad pada rebat atas faedah yang dibayar.

17. Selain dan tanpa prejudis pada kelaziman yang disebutkan tadi, sekiranya program PB menjadi lebih mahal untuk diselenggara oleh OCBC Bank disebabkan:
    a) sebarang perubahan dalam undang-undang atau peraturan yang menyebabkan cukai baharu atau tambahan, keperluan rizab yang lebih tinggi atau tindakan yang seumpamanya; atau
    b) perubahan yang signifikan dalam keadaan kewangan atau persekitaran ekonomi,

    Pemegang Kad bersetuju untuk menanggung kos tambahan tersebut bagi menyelenggara program PB sebagaimana yang OCBC Bank tentukan sebagai perlu untuk membayar ganti rugi, yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana situasi yang berlaku. Keputusan OCBC Bank pada mana-mana hal yang dirujuk di dalam Klausa ini adalah muktamad dan mengikat Pemegang Kad.

18. Setiap permohonan PB oleh Pemegang Kad adalah tertakluk pada Terma dan Syarat PB yang dikemaskini pada tarikh permohonan PB dan Terma dan Syarat PB terkini akan dimaklumkan dan diberikan kepada Pemegang Kad apabila dia memohon PB. OCBC Bank boleh mengubah atau menukar mana-mana Terma dan Syarat PB dari semasa ke semasa dan Pemegang Kad boleh menjangka setiap permohonan PB adalah tertakluk kepada terma yang berbeza. OCBC Bank boleh menarik balik atau menghentikan program PB secara keseluruhannya atau ciri-ciri PB tertentu, yang mana program PB itu atau ciri PB yang ditarik balik atau ditamatkan itu tidak akan lagi tersedia kepada mana-mana Pemegang Kad. Perubahan, variasi, penarikan balik atau penamatan sedemikian tidak akan menjejaskan PB yang telah diluluskan sebelum ini untuk Jumlah yang Diluluskan tertentu, kecuali dan jika OCBC Bank tidak dapat meneruskan dengan PB yang diluluskan lagi disebabkan perubahan dalam undang-undang, peraturan atau dasar.

19. OCBC Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas dan menafikan semua liabiliti terhadap mana-mana tindakan, tuntutan, kerugian, kerosakan, kos, caj dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung, dideritai atau dialami oleh Pemegang Kad akibat penyertaan Pemegang Kad dalam program PB ini, melainkan jika kerugian itu adalah disebabkan oleh kecuaian Bank.

20. Semua keputusan berkaitan dengan permohonan PB (termasuk sama ada untuk meluluskan atau menolak permohonan PB, Jumlah yang Diluluskan dan lain-lain) adalah tertakluk pada keputusan akhir OCBC Bank, dan keputusan itu adalah yang terakhir, muktamad dan mengikat pada Pemegang Kad.

21. Pemegang Kad bersetuju dan mengisytiharkan bahawa semua maklumat yang diberikan di dalam permohonan untuk PB oleh Pemegang Kad adalah benar dan lengkap dan Pemegang Kad akan memberitahu OCBC Bank dengan serta-merta akan sebarang perubahan terhadap maklumat sedemikian.

22. Perjanjian Pemegang Kad OCBC akan terus digunakan pada penggunaan kad kredit Pemegang Kad OCBC. Sekiranya wujud sebarang perkara yang tidak konsisten di antara Terma dan Syarat ini dengan Perjanjian Pemegang Kad OCBC, Terma dan Syarat ini akan digunakan selagi ianya berkenaan dengan PB.

23. Terma dan syarat ini ditadbir dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia.